USAHA KITA BERSAMA

Melengkapkan ayat dengan kata ganti nama diri yang betul.

Seikat bagai Sirih, Serumpun bagai Serai

Watak: temenggung, penghulu, sultan, orang kampung (suami isteri)

Babak 1: Di istana, orang kampung dan penghulu datang menghadap sultan.

Temenggung: Ampun tuanku. Sembah patik harap diampun. Penghulu Kampung Merbau datang menghadap tuanku untuk membuat aduan.

Sultan: Beta berkenan untuk mendengarnya. Silakan penghulu.

Penghulu: Ampun tuanku. Semalam, kampung patik telah dilanda ribut yang kuat menyebabkan rumah Pak Mail dan Mak Embun serta beberapa buah rumah yang ada di situ rosak. Oleh itu, ____ memohon bantuan daripada ____ untuk membaiki rumah-rumah ____.

Sultan: Baiklah, penghulu. ____ akan membantu apa-apa yang perlu.

Penghulu: Terima kasih, tuanku.

Babak 2: Baginda telah menitahkan semua hulubalang dan rakyat jelata bersama-sama membaiki rumah mangsa ribut. Penduduk kampung gembira kerana rumah mereka telah kembali seperti sediakala. Mereka juga berganding bahu menaikkan semangat penduduk kampung itu semula.

Munsyi Cilik

Kata ganti nama ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama diri, tanya dan tunjuk.

Contoh:

Kata ganti nama diri: saya, kami, kita, mereka, beta dan baginda.

Kata ganti nama tanya: apa, mana dan siapa.

Kata ganti nama tunjuk: sana, sini, situ, itu dan ini.

Aktiviti

Memahami dan melengkapkan dialog berdasarkan bahan dalam lakonan.

LIVEWORKSHEETS